

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L
ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dasar baru JKMPay di mana pembayaran bantuan bulanan dipotong sebanyak 50% dan dimasukkan dalam kad Cashless JKMPay yang mengehendkan penggunaannya. Nyatakan jumlah wang diterima oleh individu dalam kad ATM serta dalam kad Cashless JKMPay. Berapa jumlah keseluruhan pembayaran bulanan yang dibayar oleh JKM setiap bulan bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless, dengan izin) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan mulai bulan Februari 2021 ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada** bagi semua skim bantuan kewangan bulanan Persekutuan.

Pelaksanaan Projek Rintis adalah bagi menilai kebolehlaksanaan **Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai di kalangan penerima bantuan dalam menyokong ke arah mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia 2021 dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat**.

Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan **secara 100% iaitu 50% dibayar melalui bank dan 50% lagi akan dimasukkan ke kad JKMPay untuk berbelanja secara tanpa tunai**. Sehingga Februari 2022, sebanyak **RM9.2 juta** telah diperuntukkan kepada **4,752 penerima bantuan baharu** yang menyertai projek rintis ini.

Selain itu juga, sehingga **Februari 2022, sebanyak RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil dan utiliti, tambah nilai prabayar (*top-up*) dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan**. Ini menunjukkan bahawa program ini **memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka**.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada kajian penilaian enam (6) bulan pertama projek yang melibatkan 1,066 peserta pada Oktober 2021, 61% responden adalah penerima bantuan baharu bagi skim OKU mendapati bahawa:

- 1) **76% setuju bantuan kewangan tanpa tunai** memudahkan;
- 2) 80% menyatakan bantuan kewangan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan tunai;
- 3) 80% menyatakan kawalan perbelanjaan mereka lebih baik melalui kaedah bantuan kewangan tanpa tunai; dan
- 4) 73% berpuas hati dengan transaksi dan jumlah kedai di kawasan.

JKMPay tidak bertujuan untuk **menyekat mana-mana hak kebebasan** OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui Mesin Teler Automatik (ATM).

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan agar dapat memberi manfaat dan memudahkan penerima bantuan.

Justeru, satu **kajian menyeluruh** akan dilaksanakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh masa tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan **tidak akan diperluaskan** ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian menyeluruh tersebut dibentangkan.

SOALAN NO. : 9

Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambah baik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) status dan maklum balas yang telah diterima oleh Kementerian terhadap sistem bantuan kebajikan tanpa tunai (JKMPay), termasuk masalah dan cabaran yang dihadapi oleh para penerima; dan
- (b) adakah sistem JKMPay akan dihentikan buat sementara waktu ketika kajian semula sedang dilaksanakan .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless, dengan izin) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan mulai bulan Februari 2021 ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada** bagi semua skim bantuan kewangan bulanan Persekutuan.

Pelaksanaan Projek Rintis adalah bagi menilai kebolehlaksanaan **Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai di kalangan penerima bantuan dalam menyokong ke arah mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia 2021 dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat**.

Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan **secara 100% iaitu 50% dibayar melalui bank dan 50% lagi akan dimasukkan ke kad JKMPay untuk berbelanja secara tanpa tunai**. Sehingga Februari 2022, sebanyak **RM9.2 juta** telah diperuntukkan kepada **4,752 penerima bantuan baharu** yang menyertai projek rintis ini.

Selain itu juga, sehingga **Februari 2022, sebanyak RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil dan utiliti, tambah nilai prabayar (*top-up*) dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan**. Ini menunjukkan bahawa program ini **memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka**.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada kajian penilaian enam (6) bulan pertama projek yang melibatkan 1,066 peserta pada Oktober 2021, 61% responden adalah penerima bantuan baharu bagi skim OKU mendapati bahawa:

- 1) **76% setuju bantuan kewangan tanpa tunai** memudahkan;
- 2) 80% menyatakan bantuan kewangan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan tunai;
- 3) 80% menyatakan kawalan perbelanjaan mereka lebih baik melalui kaedah bantuan kewangan tanpa tunai; dan
- 4) 73% berpuas hati dengan transaksi dan jumlah kedai di kawasan.

JKMPay tidak bertujuan untuk **menyekat mana-mana hak kebebasan** OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui Mesin Teler Automatik (ATM).

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan agar dapat memberi manfaat dan memudahkan penerima bantuan.

Justeru, satu **kajian menyeluruh** akan dilaksanakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh masa tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan **tidak akan diperluaskan** ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian menyeluruh tersebut dibentangkan.

SOALAN NO. : 18

Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambah baik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menyelaras NGO yang menjalankan aktiviti kebajikan bagi mengelakkan penipuan atau pihak menyalahgunakan dana bantuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NGO kebajikan yang memberikan perkhidmatan **penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar Jabatan iaitu warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak yang menerima bantuan kewangan daripada Jabatan akan dilakukan pemantauan secara berkala** oleh pegawai daripada Jabatan.

NGO tersebut juga **perlu mengemukakan laporan perbelanjaan peruntukan** yang diterima secara tahunan kepada Jabatan. Ini adalah bagi memastikan NGO membelanjakan peruntukan yang diterima mengikut kelulusan yang telah dimeterai.

Jabatan hanya menyelaras NGO yang menerima bantuan kewangan daripada JKM sahaja. NGO kebajikan yang tidak menerima bantuan kewangan daripada JKM adalah bukan di bawah bidang kuasa JKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik ibu tunggal di bawah pendapatan garis kemiskinan di negara ini dan apakah perancangan pihak Kementerian dalam membantu golongan ini dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai pangkalan data kemiskinan nasional pada tahun 2008 bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Sehingga 15 Februari 2022, statistik Ketua Isi Rumah (KIR) bagi ibu tunggal yang berdaftar dengan eKasih adalah sebanyak **90,026 KIR** yang terdiri daripada 41,348 KIR berstatus Miskin Tegar dan 48,678 KIR berstatus Miskin.

Bagi menyokong usaha Keluarga Malaysia untuk membantu golongan sasar menikmati kehidupan yang lebih baik, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM yang bertujuan untuk memberi fokus kepada aktiviti penjanaan pendapatan dengan menghubungkan wanita kepada platform yang menawarkan peluang pekerjaan, perniagaan atau keusahawanan.

Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM lahir daripada situasi pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat termasuk golongan wanita dalam pelbagai aspek terutamanya penjanaan pendapatan. Ramai yang terputus pendapatan sama ada dalam sektor formal mahupun informal dan terpaksa mencari pelbagai alternatif bagi meneruskan kehidupan. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada wanita terutamanya daripada golongan suri rumah, B40, M40, wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah termasuk ibu tunggal mahupun wanita yang ingin membantu keluarga mencari pendapatan yang lebih.

Pada tahun 2021, **sejumlah 5,135 wanita** berjaya dihubungkan kepada peluang-peluang untuk menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dan peluang pekerjaan di dalam sektor formal. Pelaksanaan inisiatif Wanita Bangkit dapat membantu wanita mencari jalan keluar daripada kesempitan hidup dan bangkit untuk maju dalam membantu keluarga meningkatkan taraf ekonomi.

Inisiatif ini disifatkan sangat tepat dilaksanakan pada masanya. Sebagai kesinambungan kepada usaha murni ini, pihak Kementerian merancang untuk menghubungkan peserta keusahawanan kepada pihak-pihak yang menyediakan dana untuk kemudahan jangka masa panjang. Usaha ini kelak diharap dapat membantu golongan wanita terus menjana pendapatan bagi memperkukuhkan sistem sokongan terutamanya dalam bidang ekonomi. bidang ekonomi.

Selain itu, KPWKM melalui JPW turut melaksanakan program pembangunan kapasiti yang menyasarkan semua golongan wanita tanpa mengira latar belakang. Program ini meliputi pengukuhan kemahiran dan pengurusan kewangan, pengurusan keseimbangan (life balance) dan juga pembangunan kepimpinan wanita. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 1,906 program telah dilaksanakan yang melibatkan 856,323 peserta di seluruh negara. Program-program ini dilaksanakan secara dalam talian dan juga fizikal selaras dengan norma baharu. Program-program ini juga akan diteruskan pada tahun ini juga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU
YOON [TEBRAU]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan dan jenis penerima bantuan kebajikan pada tahun 2019, 2020 dan 2021 di kawasan Parlimen Tebrau dan adakah Kementerian mempunyai langkah-langkah yang efektif bagi mengurangkan penerima-penerima bantuan kebajikan secara berperingkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penerima bantuan bulanan bagi kawasan Parlimen Tebrau bagi tahun 2019 adalah 2,175 klien (RM6.4 juta), tahun 2020 sejumlah 2,184 klien (RM7.4 juta) dan pada tahun 2021 sejumlah 2,358 klien (RM10.5 juta). Secara keseluruhannya bagi tempoh 3 tahun tersebut sejumlah RM24.4 juta telah disalurkan ke Parlimen Tebrau.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan beberapa program pembangunan klien penerima bantuan terutamanya klien yang produktif sebagai usaha untuk mengurangkan penerima-penerima bantuan kebajikan secara berperingkat. Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) ***Program 2Years Exit Programme*** - di bawah RMK-11, *Program 2Years Exit Programme* dilaksanakan bertujuan membantu penerima bantuan ke arah hidup berdikari dan *survival*, menjana pendapatan sendiri, tidak bergantung kepada bantuan selamanya dengan memperkasa klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan. Berdasarkan statistik pada tahun 2019 sehingga 2021, seramai 3,608 orang penerima terlibat dalam program *2Years Exit Programme* ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 691 (19.2%) berjaya ditamatkan bantuan.
- ii) **Penubuhan Koperasi ProWell Berhad** – Koperasi ini ditubuhkan pada April 2020 khusus untuk kumpulan sasar JKM dan bertindak sebagai *catalyst* dalam menyelesaikan isu dalam kalangan penerima sekaligus menjadi satu sistem sokongan ke arah *exit policy* kepada mereka. Sebagai anggota Koperasi, mereka layak untuk menerima manfaat dari Koperasi atau agensi lain khususnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sehingga

Disember 2021, seramai **dua ratus satu (201)** orang kumpulan **sasar Jabatan** telah berdaftar menjadi anggota koperasi.

- iii) **Program MyKasih Kapital** - bantuan berbentuk **keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberikan kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan**. Pemberian insentif ini melalui bantuan asas modal perniagaan ini diberikan secara *one-off* sebagai usaha permulaan untuk menggalakkan wanita berniaga menggunakan platform e-dagang atau *dropship* dan lain-lain perniagaan yang memerlukan modal niaga yang kecil. **Pada tahun 2021, sejumlah 4,000 orang wanita** yang berkelayakan telah menerima insentif ini.

- iv) Inisiatif **Wanita Bangkit@KPWKM** yang bertujuan untuk memberi fokus kepada **aktiviti penjanaan pendapatan dengan menghubungkan wanita kepada platform yang menawarkan peluang pekerjaan, perniagaan atau keusahawanan**. **Pada tahun 2021, sejumlah 5,135 wanita** berjaya dihubungkan kepada peluang-peluang untuk menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dan peluang pekerjaan di dalam sektor formal.

- v) **Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin (MamaCare)** - bertujuan untuk **meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan wanita dan keluarga serta memperkasakan ekonomi wanita** melalui program pembangunan kapasiti MamaCare. **Dari tahun 2013 sehingga 2020**, program ini telah berjaya mewujudkan profesion pekerjaan kepada **seramai 1,431 wanita** sebagai Pengamal MamaCare di seluruh negeri dengan **jumlah pendapatan yang diperolehi sebanyak RM51 juta**. Sebanyak **390,963 orang klien** telah menerima manfaat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN
BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Haji Hasanuddin Bin Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai rancangan untuk mewujudkan unit khas bencana di negeri-negeri agar lebih terfokus berbanding kini seorang staf melakukan pelbagai tugas termasuk bencana dan urusan lain seperti menjaga OKU atau NGO.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan bencana di setiap negeri dikendalikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Ketua Polis Negeri berperanan sebagai Komander Operasi Bencana dan Pengarah Bomba Negeri sebagai Timbalan Komander Operasi Bencana. JPBN dianggotai oleh semua agensi penyelamat utama, agensi penyelamat sokongan serta agensi-agensi dan badan-badan sukarela yang bertanggungjawab dalam memberi bantuan dan pemulihan kepada mangsa bencana.

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri menganggotai JPBN sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam memberi bantuan dan pemulihan kepada mangsa bencana. Manakala di peringkat Daerah, pengurusan bencana diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab dalam pengurusan bencana seperti yang termaktub di bawah Arahan No 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN 20) melibatkan pengurusan kebajikan mangsa bencana iaitu :

- 1) Menyedia dan menyelenggarakan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) untuk mangsa bencana;
- 2) Menyedia dan mengedarkan makanan, pakaian dan barang keperluan asas untuk mangsa bencana;
- 3) Mendaftarkan mangsa bencana bagi tujuan Pemulihan;
- 4) Menjalankan bimbingan/kaunseling kepada mangsa bencana yang memerlukan.

Di bawah rasionalisasi fungsi perkhidmatan jabatan, peranan pengurusan bencana secara khusus yang melibatkan jabatan akan diberi perhatian termasuk penelitian bagi mewujudkan Unit Khas Bencana. Kementerian melalui JKJ sentiasa mendapat sokongan dan kerjasama baik dari

SOALAN NO. : 71

agensi-agensi lain yang terlibat serta sukarelawan dalam memainkan peranan memberi bantuan sewajarnya kepada mangsa bencana khususnya di pusat-pusat pemindahan sementara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN
AYUB [PULAI]**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status Dasar Wanita Negara yang mula diperkenalkan pada tahun 1989 serta apakah potensi dasar sedia ada ini dalam mendepani cabaran isu-isu wanita pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wanita Negara telah digubal pada 1989 dan pindaan pada 2009 dengan penambahan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Dasar Wanita Negara ini mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (Beijing Platform for Action), Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration).

Dasar ini bermaksud untuk memberi panduan dan hala tuju dalam usaha perancangan dan pelaksanaan pembangunan wanita atas kesedaran bahawa kaum wanita merupakan separuh daripada penduduk negara yang gigih menyumbang kepada pembangunan negara.

Kajian Semakan Keberkesanan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2011 – 2015 telah dijalankan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) dan merupakan projek di bawah RMK11 iaitu melibatkan kebersamaan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan. Dapatan kajian agak membimbangkan kerana pelaksanaan dan pencapaian Dasar Wanita, dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita mendapati, hanya 1/3 daripada keseluruhan sasaran pelan tindakan tersebut dapat dicapai. Ini kerana tiadanya rasa kepunyaan, dalam mencapai kesaksamaan gender. Ini juga bermakna, perjalanan bagi mengangkat agenda wanita di Malaysia, masih jauh dan berliku. Walaupun hakikatnya **kita juga telah banyak melaksanakan inisiatif dan membawa perubahan kepada wanita saban tahun.**

Kementerian ini sedang giat mengemaskini Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita agar selari dan kekal relevan dengan peredaran masa. Input daripada pelbagai sesi libat urus yang diadakan bersama-sama dengan agensi kerajaan, pihak swasta,

SOALAN NO. : 91

korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan telah dijadikan rujukan dalam merangka dasar yang lebih objektif dan inklusif.

Sekian, terima kasih.